

PENGANGKUTAN AWAM

Pengusaha perlu tambah baik khidmat sejajar kenaikan tambang

Baru-baru ini, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Datuk Seri Syed Hamid Syed Jaafar Albar, mengumumkan kenaikan harga tambang teksi dan bas ekspres sehingga 40 peratus. Kenaikan itu dikatakan terpaksa dilakukan kerana banyak kos penyelenggaraan dan operasi bagi menampung penggunaannya telah meningkat tinggi.

Tambang baharu perkhidmatan teksi akan dilaksanakan sertamerta, manakala tambang perkhidmatan bas ekspres pula akan mula dikuatkuasakan menjelang bulan Mei. Seiring kenaikan kadar tambang baharu bagi pengangkutan awam, pihak pengurusan pengangkutan awam seperti LRT dan KTM Komuter juga dijangka akan memperkenalkan harga baharu.

Implikasi kepada pengguna berpendapatan rendah

Berita kenaikan harga tambang pengangkutan awam dalam negara kita ini sedikit sebanyak mengejutkan ramai pihak terutama pengguna pengangkutan awam kerana ini sudah pasti akan menjejaskan ekonomi isi rumah. Pengguna terpaksa mengeluarkan lebih banyak wang untuk berbelanja khususnya ketika menggunakan pengangkutan awam.

Implikasi kenaikan harga



Pihak pengurusan pengangkutan awam disarankan supaya **meningkatkan kualiti perkhidmatan** sejajar kenaikan tambang yang bakal dikuatkuasakan.

[GAMBAR HIASAN]

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan perhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

tambang terbabit sudah pasti memberi kesan yang lebih kepada pengguna yang berpendapatan rendah dalam negara kita. Ketika pengguna terpaksa menampung kos sara hidup yang dilihat kian meningkat sejak akhir-akhir ini, ditambahkan lagi dengan bebanan kenaikan kos tambang pengangkutan awam baharu

Untuk mengurangkan perasaan ketidakpuasan orang ramai ter-

hadap peningkatan harga tambang bagi pengangkutan awam terbabit berlanjutan, pelbagai langkah proaktif serta kreatif perlulah diambil dengan segera oleh pihak pengurusan pengangkutan awam terbabit seperti jaminan tawaran mutu perkhidmatan yang lebih baik serta lebih berkualiti bersesuaian dengan jumlah peningkatan harga tambang yang dinaikkan.

Pihak pengurusan pengangkutan awam terbabit juga hendaklah memastikan aspek keselesaan, kebersihan, keselamatan serta kualiti perkhidmatan yang bakal ditawarkan kelak adalah yang terbaik untuk penumpang. Tidak ada sebarang alasan lagi yang boleh diberikan mereka untuk tidak menawarkan perkhidmatan terbaik kepada penumpang kelak.

Pertimbang beri potongan

Pihak pengurusan juga perlu menimbang langkah untuk memberi lebih banyak potongan harga tambang melalui diskaun khusus kepada penumpang yang boleh dikategorikan sebagai kurur kemampuan dalam negara kita seperti warga tua, orang kurang upaya, pelajar sekolah dan universiti dan lain-lain bagi mengurangkan bebanan kewangan mereka.

Pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) hendaklah sentiasa aktif melakukan pemantauan terhadap pengurusan pengangkutan awam supaya tiada pihak mengambil peluang menaikkan harga perkhidmatan di luar harga penyelarasan yang diumumkan. Tindakan tegas hendaklah diambil terhadap mana-mana pengurusan yang didapati bersalah dengan menaikkan sesuatu harga perkhidmatan sesuka hati.

Ini mengikut peruntukkan undang-undang sedia ada seperti yang termaktub di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) serta peraturan yang berkaitan dengannya bagi terus melindungi kepentingan pengguna pengangkutan awam.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah & Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)